Yang ada pinjaman tidak layak memohon — Sanusi

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

KANGAR, Jumaat — Ahli-ahli Bank Rakyat yang masih mempunyai pinjaman dengan bank itu tidak layak memohon pinjaman di bawah Rancangan Pinjaman Mengenang Budi (RPMB) yang dikeluarkan mulai Selasa lalu.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid menegaskan pinjaman di bawah RPMB hanya boleh dibuat oleh mereka yang tidak mempunyai sebarang pinjaman dari bank itu.

Beliau menjelaskan demikian untuk mengelak timbulnya salah faham orang ramai mengenai kemudahan rancangan baru itu yang membolehkan pinjaman maksima $20,000.

Datuk Sanusi menjelaskan pinjaman itu juga bukan untuk membiayai kakitangan dan eksekutif Bumiputera di sektor kerajaan dan swasta mendiri, memperbaiki atau mengubahsuai rumah mereka di kampung.

Rancangan itu ialah untuk memberi peluang kepada mereka mendiri, memperbaiki atau mengubahsuai rumah ibu bapa atau penjaga mereka di kampung.

Katanya kepada *Berita Harian* semalam, sebaik sahaja diumumkan tiga hari lalu, sambutan kepada RPMB di seluruh negara sangat menggalakkan.

"Namun begitu saya ingin mengingatkan orang ramai supaya memahami betul-betul tujuan dan syarat-syarat RPMB sebelum memohonnya," ujarnya.

Menurutnya, di masa ini pun sudah timbul anggapan bahawa pinjaman di bawah RPMB boleh dipohon untuk mendiri, memperbaiki dan mengubahsuai rumah peminjam itu sendiri di kampung.

Datuk Sanusi berkata sukatan pinjaman maksimum untuk seseorang pemohon juga bergantung kepada keyakinan bank itu terhadap kemampuannya membayar balik pinjaman.

"Tidak semestinya seseorang itu boleh meminjam hingga $20,000 kecuali kemampuannya membayar balik diyakini oleh bank itu," katanya.

Adik-beradik

Menteri itu menjelaskan, di bawah RPMB hanya satu pinjaman dibenarkan untuk mendiri, memperbaiki atau mengubahsuai sebuah rumah.

Bagaimanapun, pinjaman boleh dibuat oleh adik-beradik secara bersama. Penjamin juga dibenarkan dari kalangan adik-beradik yang mampu untuk menjamin antara satu dengan lain.

Mereka yang layak mendapatakan pinjaman itu mestilah ahli Bank Rakyat dengan membayar saham $500 serta yuran pendaftaran $5 apabila pinjaman diluluskan.